UUM/AA49/BH/13.12.2005/P: B9(2)

TERIMA: Dr Abdul Razak (kiri) bersama dua penyelidik UUM Ruzelan Khalid dan Azman Taa' (kanan) yang membina SAES.

Tiga penyelidik UUM terima anugerah

BH 13/12/05 B9:2

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) menerima Anugerah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berikutan kejayaannya membangunkan satu sistem penilaian dan pengurusan pemarkahan dikenali Sistem Penilaian Pelajar Automatik (SAES).

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Perundingan UUM, Prof Dr Abdul Razak Saleh, berkata anugerah oleh Kementerian Pengajian Tinggi itu diberi pada Pameran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) IPTA 2005, di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Katanya, SAES dibangunkan berasaskan teknologi pintar Business Intelligence dari syarikat pembekal penyediaan perkhidmatan dan perisian, SAS Malaysia Sdn Bhd berjaya meningkatkan tahap keupayaan penilaian akademik ke dalam Sistem Maklumat Pelajar dan Akademik (ASIS) sedia ada universiti itu.

"Secara amnya, ASIS menyediakan ciri laporan dan pemarkahan, namun pihak universiti berusaha memudahkan lagi pengurusan pemarkahan pelajar kepada skim penilaian berbeza seperti tugasan, kuiz, ujian, projek dan peperiksaan akhir melalui SAES.

"Pertambahan jumlah pelajar dan situasi pemarkahan yang kompleks memerlukan sebuah rumusan pintar yang boleh memantau secara berterusan markah yang dinilai selain melakukan analisis terhadap data kerja kursus yang diperoleh," katanya.

Menurut Dr Abdul Razak lagi, SAES menyepadukan prasarana utama ASIS kepada sebuah sistem penilaian pelajar automatik yang lengkap, sekali gus menambah keupayaan pensyarah untuk memantau prestasi pelajar secara berterusan walaupun bilangan pelajar yang ramai.

Katanya, sistem baru itu secara automatik menjana semua jenis laporan analitikal, sekali gus menjimatkan masa pensyarah untuk menformulasi semua jenis laporan.

"Sistem ini juga berfungsi menganalisis kerja kursus, membuat analisis perbandingan gred, merekod markah terendah secara am atau kumpulan mengikut jantina dan etnik atau jenis kemasukan pelajar.

"Pensyarah hanya perlu menghantar data yang dipilih untuk dianalisis ke dalam SAES dan menyatakan format yang dikehendaki bagi tujuan penyelarasan," katanya.

Beliau berkata, UUM menerima lesen perisian SAS sejak 1989 yang kemudiannya ditingkatkan menerusi program Inisiatif Akademik SAS yang melayakkan universiti itu menerima penggunaan SAS tanpa had.